

## Cadangan harga baru air ke Singapura dihantar segera

PUTRAJAYA 24 Jan. — Malaysia akan menghantar cadangan penetapan kadar baru harga air mentah kepada Singapura bagi membolehkan isu tersebut diselesaikan secepat mungkin, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata, satu pertemuan peringkat menteri antara kedua-dua negara akan berlangsung selepas cadangan tersebut diterima oleh Singapura.

Syed Hamid memberitahu, Malaysia akan memastikan cadangan yang dikemukakan itu memberi pulangan munasabah kepada negara sebagai pembekal air kepada Singapura.

UM 25 JAN 2000

"Kita akan mulakan rundingan secara langsung bagi membolehkan isu-isu tertangguh ini diselesaikan secepat mungkin dan isu air ini tidak akan dibincangkan bersendirian sebaliknya sebagai pakej keseluruhan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima sumbangan bagi Tabung Amanah Afghanistan di pejabatnya di sini hari ini.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak akan berkompromi dengan Singapura berhubung isu harga baru air mentah.